

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : RABU, 25 MEI 2016

RUJUKAN : L7 [PR-1342-L73958]

SOALAN :

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan jumlah premis makanan di
sekitar Kuala Lumpur yang dikesan tidak menggunakan tenaga kerja
tempatan di dapur.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiu, terdapat sebanyak 8,437 premis makanan yang berlesen di sekitar Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab memantau pemilik premis agar mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan.

Bagi pengambilan pekerja warga asing, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 1986 jelas menyatakan bahawa tiada halangan mana-mana pemilik premis untuk mengajikan pekerja warga asing tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri.